

## KANDUNGAN

- Langkah-langkah Menangani Kejatuhan Harga Sawit 1
- Dari Meja Ketua Penyunting 2
- Kenalilah...*Motosikal Treler* 3
- Diari UPPK & PT 4
- Sudut Teknologi - *Falsafah Pembinaan Dalam Senario Kejatuhan Harga Minyak Sawit* 5
- Kuiz Sawit 5
- Berita Bergambar 8-9
- Profil Komoditi Sawit 10
- Tahukah Anda 11
- Sedutan Akhbar 12
- Dari Dapur MPOB 13
- Peladang Jaya 14

## LANGKAH-LANGKAH MENANGANI KEJATUHAN HARGA SAWIT

Isu kejatuhan harga minyak sawit merupakan topik hangat yang sering terpapar dan dibincangkan di dalam akhbar pada awal tahun ini. Kejatuhan harga komoditi ini telah banyak menjejaskan pendapatan dan kehidupan pekebun kecil sawit.


Harga buah sawit di pintu kilang telah jatuh secara berterusan dari RM 392 setan pada awal 1999 hingga ke paras RM 110 setan pada awal 2001. Jika diambilkira upah-upah lain yang perlu ditanggung oleh pekebun kecil seperti upah pengangkutan buah sawit ke kilang dan upah buruh di ladang, maka harga bersih yang diterima di ladang tinggal hanya lebih kurang RM 50 setan. Keadaan ini sangat merunsingkan kerana tanaman sawit merupakan sumber utama pendapatan mereka.

Harga buah sawit berkait rapat dengan keadaan turun naik harga pasaran minyak sawit mentah dan isirong sawit harian. Harga minyak sawit mentah telah jatuh

secara mendadak dan berterusan dari RM 2200 pada awal 1999 kepada RM 717 setan pada awal 2001, manakala harga isirong pula telah jatuh dari RM 1211 kepada RM 407.

Sebab utama kejatuhan harga minyak sawit ialah peningkatan bekalnya yang lebih tinggi daripada peningkatan eksport. Ini telah mengakibatkan jumlah stok minyak sawit yang tidak dapat di eksport melebihi 1.0 juta tan setiap bulan mulai Jun 1999

*bersambung di muka surat 2*



Y.B. Menteri Perusahaan Utama di Majlis Perasmian Seminar Mengukuhkan Kedudukan Industri Minyak Sawit Malaysia.



## Sidang Pengarah

PENASIHAT  
Datuk Dr Yusof bin Basiron  
Ketua Pengarah MPOB

PENGERUSI  
Hj Mamat Salleh

TIMBALAN PENGERUSI  
Dr Mohd Basri bin Wahid

KETUA PENYUNTING  
Hj Esnan Abd Ghani

PENYUNTING  
Hj Suboh bin Ismail  
Ab Aziz bin Md Yusof  
Dr Cheah Suan Choo  
Dr Hj Ahmad bin Hitam  
Jamil bin Nordin

SETIAUSAHA  
Hj Idris bin Hj Omar



## DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Senario harga sawit yang latak memberangsangkan ketika ini telah mendorong semua pihak yang terlibat dengan industri sawit negara mengambil langkah-langkah pengubahsuaian yang sewajarnya.

Kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Utama telah mengaturkan beberapa program yang dikenalpasti sesuai dan berkesan untuk mengurangkan stok minyak sawit negara. Antaranya ialah dengan membenarkan eksport minyak sawit mentah secara selektif tanpa dikenakan cukai eksport dan bekerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk menjadikan minyak sawit mentah sebagai bahan bakar menggantikan 'medium fuel oil'. Bagi mengurangkan lagi stok minyak sawit yang berlebihan kerajaan telah memperkenalkan beberapa kemudahan dalam bentuk pinjaman mudah dan insentif bagi membolehkan pokok-pokok sawit yang telah berusia melebihi 25 tahun dan tidak produktif ditanam semula.

Di sektor perladangan pula kebanyakan ladang-ladang telah mengurangkan kos pengeluarannya mengikut keperluan masing-masing. Salah satu strategi yang dikenalpasti ialah mengurangkan komponen kos yang tertinggi iaitu pembajaan. MPOB telah mengeluarkan garis panduan bagi membolehkan kaedah pengurangan buja ini dilakukan secara diskriminasi supaya tidak menjejaskan produktiviti pokok sawit dalam jangka panjang.

Satu seminar peringkat kebangsaan telah diadakan oleh MPOB dalam bulan Februari yang lalu untuk membincangkan beberapa strategi dalam mengharungi suasana harga pasaran sawit yang mencabar ini. Kertas kerja yang relevan telah dibentangkan dan sumbangan dari pihak industri sangat menggalakkan.

Dalam keadaan harga yang kurang menggalakkan ini ses yang diterima oleh MPOB juga telah dikurangkan dari RM 11.00 setan kepada RM 7 setan mulai bulan Februari yang lalu. Pengurangan ses ini sudah tentu akan melibatkan pengurangan ke atas perbelanjaan tetapi teras utama MPOB iaitu komited ke atas kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan serta urusan pelesenan dan penguatkuasaan yang telah ditetapkan akan terus dipergiatkan dengan tiada kompromi ke atas mutu kerja. Malahan beberapa program baru telah diperkenalkan.

Bagi meningkatkan lagi mutu pengeluaran anak-anak benih sawit oleh pengusaha-pengusaha tapak semaian, satu skim penilaian kewibawaan pengurusan tapak semaian sawit telah dimulakan. Hanya pengusaha-pengusaha yang mengamalkan tahap amalan pertanian yang baik sahaja (ke tahap yang diiktiraf) akan diberikan sijil. Sijil ini boleh digunakan untuk promosi jualan anak anak benih sawit mereka seiring dengan kempen tanam semula yang sedang digalakkan ketika ini.

Apa yang diharapkan ialah supaya segala aktiviti yang dirangka oleh pihak kerajaan akan dapat menstabilkan semula harga sawit di pasaran. **BS**

sambungan dari muka surat 1

hingga mencapai 1.5 juta tan pada Januari 2001 berbanding hanya 0.7 juta tan pada Januari 1999.

Kerajaan bersimpati dengan penderitaan pekebun kecil ini. Berbagai langkah segera telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan harga buah sawit dan pendapatan pekebun kecil ke paras yang lebih tinggi.

Langkah pertama yang diambil oleh kerajaan pada bulan Januari 2001 ialah dengan membenarkan eksport minyak sawit mentah secara selektif tanpa dikenakan cukai eksport. Usaha ini bertujuan untuk menambah eksport dan mengurangkan lebihan stok yang telah menyebabkan harga minyak sawit jatuh.

Langkah kedua yang diambil dalam bulan Februari ialah mengurangkan ses minyak sawit mentah dan minyak isirong mentah yang perlu dibayar kepada MPOB dari RM 11 kepada RM 7 setan. Langkah ini diharap dapat meningkatkan harga buah sawit pekebun kecil. Bagi memastikan harga buah sawit pekebun kecil tidak dipermainkan oleh orang tengah, maka mulai bulan Mac 2001, MPOB telah menghebahkan panduan harga buah sawit secara harian.

Kerajaan terus memantapkan lagi usaha dalam bulan Mac 2001 dengan memberi insentif

bersambung di muka surat 3

sebanyak RM 1000 sehektar jika pekebun kecil sanggup tidak memotong buah sawit dan seterusnya menebang pokok sawit yang berumur lebih 25 tahun untuk ditanam semula. Insentif ini ialah sebagai tambahan kepada pinjaman mudah tanam semula melalui Bank Pertanian Malaysia (BPM) yang bernilai RM 6000 sehektar. Langkah ini dijangka dapat mengurangkan pengeluaran minyak sawit mentah sebanyak 600 000 tan dan seterusnya mengurangkan pertambahan pengeluaran tahun ini.

Pada bulan Mac juga, kerajaan telah menggalak penggunaan minyak sawit mentah sebagai bahan bakar. Pembakaran ini telah dilaksanakan oleh stesen janakuasa elektrik milik Tenaga Nasional Berhad secara berperingkat mulai bulan April 2001. Pembakaran ini bukan sahaja akan dapat mengurangkan stok minyak sawit tetapi menjimatkan pertukaran wang asing negara dengan mengurangkan import minyak petroleum yang selama ini digunakan sebagai bahan api oleh stesen janakuasa elektrik negara kita.

Kerajaan juga dalam bulan Mac 2001 telah meluluskan pinjaman bayaran eksport bernilai RM 10 juta kepada negara Cuba bagi menggalakkan eksport minyak sawit Malaysia. Dalam masa yang sama juga, kerajaan telah meluluskan pembayaran dalam bentuk minyak sawit ke atas kos pembinaan jalan keretapi berkembar dan pembelian kepala keretapi moden dari China dan Amerika Syarikat. Akhir sekali, kerajaan telah mengadakan kerjasama dengan Indonesia untuk bertindak secara bersama bagi meningkatkan harga minyak sawit.

Langkah-langkah segera yang diambil oleh kerajaan telah berjaya menyekat harga minyak dan buah sawit dari terus jatuh. Harga minyak sawit mentah telah kembali meningkat ke paras RM 779 pada bulan Mac dan RM 812 pada bulan April berbanding RM 717 pada bulan Januari 2001. Dalam tempoh ini juga, harga buah sawit telah meningkat ke paras RM 131 setan. MPOB berharap agar semua pekebun kecil terus menggiatkan usaha untuk menjual buah sawit bermutu tinggi dalam membantu kerajaan meningkatkan lagi harganya.

Sumbangan : Kamaruddin Mohd Idris/  
Jumil Nordin



## KENALILAH ....



### MOTOSIKAL TRELER

Pada masa ini pekebun kecil menggunakan kereta sorong atau memikul BTS yang telah dituai ke tempat longgokan BTS. Produktiviti mengangkut BTS menggunakan kereta sorong adalah antara 0.94 hingga 1.4 tan/hari/orang.

Untuk meringankan kerja mengangkut BTS ini serta memandangkan ramai pekebun kecil sawit mempunyai motosikal, MPOB telah merekabentuk treler khas yang boleh disambungkan ke motosikal yang dikenali sebagai motosikal treler. Dengan menggunakan motosikal treler, produktiviti mengangkut BTS dapat ditingkatkan kepada 4 hingga 5 tan/hari/orang.

Treler yang direkabentuk ini boleh dipasang atau ditanggalkan dengan mudah daripada motosikal secara menarik keluar satu pin sahaja. Ianya boleh dipasang kepada semua jenis motosikal dengan sedikit pengubahsuaian pada bahagian pemegang belakang motosikal berkenaan. Muatan maksimum treler yang disyorkan adalah 250 kg sahaja.

Sebagai pengangkutan pelbagaiguna, di samping mengangkut BTS, treler ini juga sesuai digunakan untuk mengangkut baja, membawa air untuk kerja meracun rumpai atau membawa anak benih.

Treler ini dianggarkan berharga RM 750.00 seunit. Kos selenggaraan pula adalah sangat rendah. Walau bagaimanapun, MPOB masih lagi menunggu kebenaran (permit) daripada Jabatan Pengangkutan Jalan supaya treler ini boleh digunakan di atas jalan raya awam.



Teknologi mekanisasi untuk sektor pekebun kecil

Sumbangan : Mohd Solah Deraman





### Kursus Sehari Sawit Untuk Pegawai Pengembangan

Dalam tahun 2001 sebanyak 96 kursus akan diadakan untuk pegawai pengembangan daripada RISDA, FELCRA, FELDA, LPP, LKPTS dan Jabatan Pertanian Sabah. Anggaran jumlah peserta yang terlibat adalah 1500 orang. Kursus akan disempurnakan mulai bulan Mei hingga Disember 2001.

### Kelab Sawit 30 Tan

MPOB mensasarkan keahlian kelab kepada 500 orang pada penghujung tahun 2001.

Kempen/mini seminar kelab 30 tan akan dimulakan pada bulan Jun hingga September 2001. Semua pekebun kecil sepenuh masa yang telah memperolehi hasil BTS melebihi 25 tan sehektar setahun adalah dialu-alukan menyertai kelab yang menawarkan pelbagai insentif/taedah.

### Petak Demonstrasi

Pelancaran 'Pekebun Kecil Boleh' telah disempurnakan di petak demonstrasi Tebuk Berihun II, Sabak Bernam, Selangor. Hasil penuaian tahun kedua (42 - 53 bulan selepas ditanam) yang diperolehi ialah 35.61 tan/hektar/tahun.

Pekebun kecil dan agensi berkaitan dipelawa untuk mempelajari kaedah teknologi pengeluaran melebihi 30 tan BTS dari pekebun kecil tersebut ke arah mendapatkan hasil dan pendapatan yang lumayan. Sila berhubung dengan Stesen Penyelidikan MPOB Teluk Intan melalui telefon no. 03- 8865122 untuk mengatur lawatan.

### Maklumat Harga Harian Sawit

Semua pekebun kecil yang ingin mengetahui harga harian sawit boleh menghubungi no. telefon 03-704 5061/2/3/4 atau menerusi siaran Radio Malaysia.

### Sijil Kewibawaan Tapak Semaian Sawit (Oil Palm Nursery Competency Certificate)

Bagi meningkatkan mutu keluaran anak-anak benih sawit di Malaysia, satu aktiviti pengiktirafan ke atas pengusaha-pengusaha tapak semaian telah diperkenalkan mulai tahun 2001. Hanya tapak-tapak semaian yang telah memperolehi tahap pengurusan dan kualiti pengeluaran anak benih yang tinggi sahaja akan dikeluarkan sijil-sijil berkenaan. Program ini telah dilaksanakan dengan pengeluaran sijil kewibawaan berkenaan kepada pengusaha-pengusaha yang berjaya. Sijil yang dikeluarkan ini sah untuk tempoh setahun. Fasa pertama program telah disempurnakan oleh Y.B. Menteri Perusahaan Utama pada 20 Feb. 2001.

Berikut adalah sebelas (11) nama nama pengusaha yang telah berjaya.

1. Ladang Tanah Merah, Port Dickson, Negeri Sembilan.
2. Ladang Gomali, Batu Annam, Segamat, Johor.
3. Golden Hope Plantation Bhd., Banting, Selangor.
4. Ladang Sengkang, Port Dickson, Negeri Sembilan.
5. Highland Research Unit, Klang, Selangor.
6. Nam Bee Co. Sdn. Bhd., Air Kuning Selatan, Batang, Melaka
7. Estet Koperasi Bukit Keramat, Kemayan, Pahang.
8. Syarikat Chan Hock Seng, Alor Gajah, Melaka.
9. Thai Orchids Sdn. Bhd., Taman Clonlee, Tampin, Negeri Sembilan.
10. Ladang Silliau, Rantau, Port Dickson, Negeri Sembilan.
11. Syarikat Tee Kim Keow Sdn. Bhd., Banting, Selangor

## FALSAFAH PEMBAJAAN DALAM SENARIO KEJATUHAN HARGA MINYAK SAWIT

### Pendahuluan

Tanaman sawit memerlukan nutrien yang banyak kerana nutrien sentiasa mengalir keluar melalui penuaian buah dan pemangkasan pelepah. Ini ditambah pula dengan kebanyakan tanaman sawit milik pekebun kecil termasuk ladang yang diurus oleh agensi kerajaan ditanam di tanah yang kurang subur. Keadaan ini membuatkan tanaman sawit memberi tindakbalas yang positif terhadap pembajaan.

Kos pembajaan merupakan komponen terbesar dalam penyelenggaraan sawit matang dan dianggarkan antara 60 hingga 70 peratus. Dalam suasana harga sawit yang tinggi, penanam akur dengan keperluan pembajaan sawit yang tinggi, justeru peningkatan kos pembajaan. Ini kerana mereka yakin pelaburan dalam pembajaan akan diperolehi semula melalui peningkatan hasil dan pendapatan.

Semenjak dua tahun kebelakangan ini harga minyak sawit di pasaran antarabangsa telah menurun ke paras yang rendah di bawah kos pengeluaran. Dalam keadaan harga sawit yang rendah, penanam sawit telah berusaha

mengurangkan kos pengeluaran dan kebanyakan mereka bertindak dengan mengurangkan kos pembajaan kerana ia merupakan komponen kos yang tertinggi.

Kejatuhan harga minyak sawit yang berlanjutan telah menjadikan isu pemotongan baja oleh penanam semakin hangat dibincangkan. Untuk membantu menangani masalah ini, Berita Sawit keluaran ini membincangkan kesan dan panduan pengurangan baja serta langkah alternatif untuk mengurangkan kos pembajaan dalam keadaan harga minyak sawit rendah.

### Kesan Pemotongan Baja

Kajian MPOB mendapati pemotongan atau pengurangan bekalan baja sawit daripada tahap yang optimum akan memberi kesan negatif terhadap pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS). Kesan negatif terhadap hasil BTS adalah bergantung kepada umur pokok, tahap kesuburan tanah dan kadar pemotongan baja yang dilakukan.


Kajian ini dijalankan di tanah pedalaman dan pesisir pantai meliputi tiga tahap kesuburan iaitu tanah subur, sederhana subur dan tidak subur. Juga, adalah diandaikan kadar pembajaan semasa yang dibekalkan adalah bersamaan kadar optimum yang ekonomik. Dengan memotong 100 peratus baja kesan terhadap hasil BTS disimpulkan seperti berikut :

- Bagi tanah yang sederhana subur, hasil BTS daripada sawit berumur 12 tahun akan kurang tidak melebihi 10 % untuk tempoh dua tahun pertama. Walau bagaimanapun, sekiranya baja dibekalkan semula, hasil akan terus menurun sehingga 20 % pada tahun ke empat.

*bersambung di muka surat 6*

## ????? Kuiz Sawit ????????

1. Berapakah anggaran bilangan pokok sawit yang mampu ditebang dan diracik oleh satu jentera jengkaut (excavator) dalam masa satu hari (8 jam) dan berapakah anggaran upahnya sepokok?
2. Berapa lamakah sisa biojisim sawit akan reput setelah diracik dan ditinggalkan di ladang?
3. Bagaimanakah teknik alternatif meletakkan biojisim sawit di kawasan pembakaran sifar?
4. Berapakah keluasan maksimum kebun sawit untuk layak memohon Skim Kredit Tanam Semula Sawit?
5. Berikan syarat utama bagi melayakkan kebun seseorang ditanam semula melalui Skim Kredit Tanam Semula Sawit?
6. Berapakah had pinjaman Skim Kredit Tanam Semula Sawit sehektar, faedah pinjaman setahun dan tempoh bayaran balik?

Jawapan di muka surat 16 

- Pokok sawit tua akan menunjukkan pengurangan hasil BTS yang lebih tinggi (terutama di tanah pedalaman) kerana ianya memerlukan lebih banyak baja walaupun mempunyai simpanan nutrien yang tinggi.
- Penurunan hasil adalah lebih tinggi di tanah yang tidak subur. Purata penurunan hasil adalah sebanyak 40% selepas empat tahun berbanding 14 peratus penurunan di tanah yang subur.
- Pemulihan hasil selepas pembekalan baja adalah corak bertentangan kejatuhan hasil. Ini bermakna sedikit pemulihan hasil dalam dua tahun pertama dan pulih sepenuhnya 3-4 tahun selepas bekalan baja dibubuh semula.

Selain daripada kesan terhadap hasil BTS, pemotongan baja juga memberi kesan kepada fisiologi sawit. Kesan fisiologi ini boleh menjejaskan pusingan hasil serta mengaburkan kesan baja yang dibubuh kemudian nanti. Masalah ini akan menyukarkan ahli agronomi untuk membuat syor baja walaupun selepas membuat analisis daun dan tanah. Justeru itu, ramai ahli agronomi kurang bersetuju memotong baja semasa kemelesetan harga sawit.

Pada masa yang sama penanam juga sukar untuk meramal harga masa depan minyak sawit. Sekiranya berlaku kenaikan harga minyak sawit dalam masa terdekat, penanam tidak akan mendapat manfaat daripada kenaikan harga tersebut kerana pemulihan hasil BTS akan mengambil masa.

Dari sudut ekonomi pula, soalnya ialah berapa lamakah penanam boleh menanggung kerugian? Sudah tentu akan sampai satu ketika di mana penanam tidak boleh bertahan dan akan memotong bekalan baja. Bagi membantu penanam terutama sektor pekebun kecil, MPOB menggariskan panduan pemotongan baja sawit dengan jangkaan kesan yang minimum terhadap tumbesaran dan penghasilan sawit.

### Panduan Pemotongan Baja

Panduan pemotongan baja hendaklah berdasarkan umur pokok, program pembajaan yang lalu, analisis tanah, daun dan paras hasil semasa. Secara umum garis panduan pemotongan baja yang disyorkan adalah seperti berikut

#### a. Tiada Pemotongan Baja

- Anak sawit di peringkat tapak semaian dan yang telah dialih ke ladang sehingga berumur 8 tahun. Pada peringkat umur ini pokok sawit sedang

melalui peringkat tumbesaran paling aktif.

- Sekiranya keadaan kesuburan sawit tidak memuaskan dan berpotensi untuk pulih semula.

#### b. Pemotongan Baja Secara Berdiskriminasi

Pemotongan baja secara berdiskriminasi adalah untuk pokok sawit yang sudah cukup matang iaitu berumur lebih daripada 8 tahun selepas ditanam ke ladang. Sebagai syarat tambahan, pokok sawit tersebut sebelum ini telah dibaja dan diurus dengan baik. Pemotongan baja secara ini tidak akan menjejaskan hasil sawit dengan signifikan.

- Nitrogen (N) : Tiada pemotongan baja N dilakukan kerana N sangat penting untuk tumbesaran pokok dan N yang dibekalkan sebelum ini tidak terkumpul di dalam tanah untuk diambil oleh pokok.
- Fosforus (P) : Baja P boleh dipotong sehingga 100 peratus jika P sediaada dalam tanah melebihi 100 bahagian per juta (bpj). Pemotongan berpatutan boleh dibuat untuk nilai P sediaada di antara 15 – 100 bpj. Nilai di bawah 15 bpj adalah dikira rendah.
- Kalium (K) : Baja K boleh dikurangkan sehingga 30 peratus jika K sediatukar melebihi 0.50 cmol/kg.
- Magnesium (Mg) : Bekalkan sekurang-kurangnya 0.5 kg kieserit /pk/tn untuk mengekalkanimbangan 'bases' dan fungsi-fungsi biasa Mg dalam pokok termasuk pembentukan minyak. Pembekalan Mg ini sangat penting terutama untuk sawit yang ditanam di tanah sedentari atau pedalaman.
- Boron (B) : Baja B boleh dipotong 100 peratus berdasarkan selang tahun. Nilai B dalam daun dikekalkan pada tahap 15 - 25 bpj. Paras B melebihi 40 bpj adalah dikira berlebihan.

Di mana tidak kedapatan data analisis tanah, data analisis daun juga boleh digunakan sebagai panduan pemotongan baja iaitu dengan meneliti julat kandungan nutrien dalam sawit ( dari pelepah nombor 17). Sawit yang mempunyai kandungan nutrien dalam lingkungan julat yang disyorkan dikira mencukupi dan telah dibaja dengan baik. Sedikit-sebanyak pemotongan baja fosforus, kalium dan magnesium boleh dibuat dalam jangkamasa pendek. Julat kandungan nutrien dalam daun daripada pelepah nombor 17 yang disyorkan adalah seperti dalam *Jadual 1*.

## JADUAL 1. JULAT KANDUNGAN NUTRIEN DALAM DAUN SAWIT DARIPADA PELEPAH NOMBOR 17 YANG DISYORKAN

Nutrien	Julat (%)	
Nitrogen (N)	2.56	- 2.85
Fosforus (P)	0.161	- 0.177
Kalium (K)	0.90	- 1.22
Magnesium (Mg)	0.24	- 0.30

Bagi pekebun kecil persendirian yang tidak mempunyai data analisis tanah atau daun tetapi mereka menggunakan baja sebatian atau campuran lengkap N, P, K, dan Mg, pemotongan maksimum yang disyorkan adalah sebanyak 30 peratus daripada kadar optimum. Bergantung kepada jenis tanah, kadar pembajaan optimum menggunakan baja sebatian atau campuran adalah di antara 6 hingga 8 kg/pk/tahun. Pemotongan ini masih tertakluk kepada umur pokok sawit melebihi 8 tahun. Dalam masa yang sama, pekebun kecil harus memerhatikan dari masa ke semasa tanda-tanda kekurangan nutrien yang dialami oleh pokok. Dengan ini pembajaan pembetulan menggunakan baja lurus adalah diperlukan. Panduan tanda-tanda kekurangan nutrien oleh sawit boleh didapati dalam Berita Sawit Bil. 2 Disember 1993. Pembajaan pada kadar yang optimum perlu dilakukan semula bila harga sawit naik dan keadaan mengizinkan.

### c. Pemotongan Baja Sepenuhnya

- Pemotongan baja sepenuhnya boleh dilakukan hanya ke atas pokok sawit yang akan ditanam semula iaitu dalam jangkamasa 2 hingga 3 tahun sebelum penebangan dilakukan atau semasa sawit berumur 22 hingga 23 tahun (jika tanam semula akan dijalankan ke atas pokok yang berumur 25 tahun).

### Langkah Alternatif Mengurangkan Kos Pembajaan

Pengurangan kuantiti baja yang dibincangkan di atas adalah salah satu daripada langkah untuk mengurangkan kos pembajaan. Lain-lain langkah alternatif yang dicadangkan untuk mengurangkan kos pembajaan adalah seperti berikut.

#### a. Kurangkan Kekerapan Membaja

- Guna baja sebatian atau campuran bagi sawit muda. Ini kerana kekerapan membaja sawit muda adalah lebih kerap berbanding sawit matang. Menggunakan baja lurus akan menambahkan kekerapan membaja untuk

sesuatu pusingan membaja.

- Guna baja lurus untuk sawit matang. Kekerapan membaja dapat dikurangkan dengan membekalkan kadar baja yang lebih tinggi untuk setiap pusingan membaja. Sebagai contoh, keperluan baja MOP sebanyak 3.0 kg/pk/thn boleh dibekalkan sekali setahun berbanding dua kali setahun seperti yang diamalkan sebelum ini dengan membekalkan 1.5 kg /pokok /pusingan.

#### b. Meningkatkan Keberkesanan Membaja

- Pembajaan adalah penting dan melibatkan kos yang tinggi, maka penanam perlu meningkatkan keberkesanan penggunaan baja tersebut dengan memilih jenis baja serta cara dan masa membaja yang sesuai. Sebagai contoh, lakukan pembajaan pada musim hujan sederhana (150 – 200 mm/bulan) dan elakkan membaja pada musim kering atau terlalu basah. Tabur baja secara sebaran menyeluruh dalam kawasan bulatan, lorong tuai dan lorong timbunan pelepah. Pastikan dulu kawasan tidak dipenuhi dengan rumput yang tebal. Kewujudan rumput berdaun lembul seperti spesis *Axonopus*, *Paspalum* dan sebagainya adalah dibenar dan digalakkan.



Meningkatkan keberkesanan baja - sebaran menyeluruh secara mekanisasi atau manual.

bersambung di muka surat 11

# PROFIL KOMODITI SAWIT

Industri sawit Malaysia memasuki tahun 2001 dalam suasana yang muram kerana harga minyak sawit yang terlalu rendah. Kerajaan sangat peka dengan masalah ini dan langkah-langkah segera telah diambil untuk mengurangkan paras stok dalam usaha meningkatkan harga minyak dan buah sawit.

Pengeluaran minyak sawit mentah bulan Mac 2001 telah turun 16.7% ke paras 0.88 juta tan berbanding 1.06 juta tan bulan Januari. Jumlah terkumpul bagi tiga bulan ini ialah 2.84 juta tan iaitu 27.9% lebih tinggi berbanding 2.22 juta tan yang dikeluarkan dalam tempoh yang sama dalam tahun 2000. Jumlah pengeluaran bagi tempoh Januari-April tahun ini dijangka mencapai 3.71 juta tan berbanding 3.00 juta tan dalam tempoh yang sama dalam tahun 2000. Pengeluaran yang terus bertambah ini adalah disebabkan oleh keadaan cuaca yang baik dan hujan yang mencukupi.

Pengeluaran bulan Mac yang lebih rendah telah berjaya menaikkan purata harga minyak sawit mentah bulan Mac sebanyak 8.7% ke paras RM 785 setan berbanding RM 722 bulan Januari. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan telah berjaya meningkatkan purata harga bagi bulan April ke paras RM 815. Harga buah tandan segar juga turut meningkat ke paras RM 131 setan.

Kenaikan harga minyak sawit didapati tidak menjejaskan eksport. Malah eksport bulan Mac telah meningkat 16.9% ke paras 0.97 juta tan berbanding 0.83 juta tan pada bulan Januari. Jumlah terkumpul eksport bagi tempoh tiga bulan ini ialah 2.63 juta tan iaitu 27% lebih tinggi dari tempoh sama dalam tahun 2000. Ini disebabkan oleh harga yang kompetitif berbanding minyak saingan yang lain. Faktor ini dijangka memperkukuh jumlah eksport bagi tempoh Jan-April tahun ini ke paras 3.4 juta tan berbanding 2.7 juta tan dalam tempoh yang sama dalam tahun 2000.

Jumlah stok bulan Mac telah turun 17.8% ke paras 1.25 juta tan berbanding 1.52 juta tan pada bulan Januari kerana pengeluaran bulanan yang lebih rendah. Paras ini walau bagaimanapun 33.0% lebih tinggi daripada bulan Mac 2000. Ini disebabkan jumlah stok awal tahun yang tinggi iaitu 1.42 juta tan. Selaras dengan musim pengeluaran yang mula meningkat, stok pada bulan April dijangka akan terus kekal di paras 1.2 juta tan metrik, bergantung kepada pencapaian eksport.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan seperti membenarkan eksport minyak sawit mentah tanpa cukai, penggunaan minyak sawit mentah sebagai bahan bakar oleh janakuasa elektrik dan menggalakkan tanaman semula diharap akan dapat meningkatkan harga dalam tempoh Mei hingga Julai 2001.

*Sumbungan : Jamil Nordin*

c. *Guna Mekanisasi di mana Sesuai*

Bagi ladang yang besar (melebihi 300 hektar), membaja secara mekanisasi dapat menjimatkan kos serta pelaksanaan kerja yang lebih berkesan berbanding secara manual. Antaranya adalah seperti berikut:

- Mengurangkan keperluan pekerja sebanyak 4 hingga 5 kali ganda.
- Mengurangkan kos/hektar lebihkurang 50 peratus.
- Mempercepatkan pelaksanaan kerja 2.5 hingga 3.5 kali ganda.
- Penaburan baja yang lebih sekata.
- Mengurangkan kekerapan pembubuhan baja serta pada masa yang lebih baik.
- Menentukan kebanyakan pokok sawit akan mendapat kuota bajanya.


d. *Alternatif Lain bagi Penjimatan Kos.*

- Di mana kedapatan, guna tandan buah kosong (TBK) menggantikan baja kimia pada kadar 35-40 tan / hek / tahun.
- Kekalkan rumpai lembut kecuali di kawasan keliling pokok.
- Amalkan integrasi ternakan lembu atau kambing secara sistematik di kawasan pokok matang.
- Lakukan kerja yang boleh dibuat sendiri untuk menjimatkan atau mengurangkan bayaran upah.
- Menanam kacang penutup bumi dan mengguna biojisim sawit sebagai sungkupan semasa tanam semula.

### Kesimpulan

Pemotongan baja ini adalah sebagai langkah sementara bagi membantu penanam sawit mengurangkan kos pembajaan dalam keadaan harga minyak sawit rendah. Jika harga minyak sawit pulih semula ke paras yang menguntungkan, pemotongan baja adalah tidak digalakkan kerana penanam harus mengeksploitasi penggunaan baja yang optimum untuk meningkatkan produktiviti sawit dan pendapatan.

Sumbangan : Idris Omar & Mohd Tayeb Dolmat



Tahukah anda bahawa kini terdapat bahan tanaman sawit *Dura X Pisifera* (DxP) yang bercirikan pokok renek? Bahan tanaman yang dihasilkan oleh MPOB ini dikenali sebagai PS 1 yang dihasilkan melalui kacukan daripada *Dura Nigeria* dengan *Pisifera AVROS*. Hasil daripada program penyelidikan dan pembangunan yang berterusan dalam memajukan lagi bahan tanaman PS 1 ini telah berjaya menghasilkan satu lagi bahan tanaman baru yang dikenali sebagai PS 1.1 yang dihasilkan melalui kacukan daripada *Dura Deli* dengan *Pisifera Nigeria*. Ciri utama bahan tanaman PS 1.1 ialah pokok renek, manakala hasil tandan dan perahan minyak adalah setanding dengan bahan tanaman DxP masakini. Tandan pula tidak terlalu berat atau terlalu ringan.

Pokok renek akan memudahkan kerja menuai tandan dan memangkas pelepah, seterusnya menjimatkan kos pengeluaran terutamanya belanja mengupah pekerja.

Biji benih cambah PS 1.1, PS 2 dan DxP komersil boleh diperolehi daripada Stesen Penyelidikan MPOB Kluang, Johor atau Ibu Pejabat MPOB di Bandar Baru Bangi, Selangor pada harga RM 1.00 sebiji (Semenanjung Malaysia) atau RM 1.03 sebiji (Sabah dan Sarawak). Bilangan biji benih yang perlu dipesan ialah 180 biji bagi setiap hektar.

Sumbangan : Dr. A. Kushairi Din



# SEDUTAN AKHBAR

## PENEROKA FELDA AKAN TERIMA RM 50 HINGGA RM 80 SEBULAN

Satu skim bantuan khas akan diberikan kepada peneroka Felda di seluruh negara bagi mengurangkan beban berikutan kejatuhan harga sawit. Untuk tujuan tersebut, Felda akan memperuntukkan dana sebanyak RM 72 juta bagi tempoh sekurang-kurangnya setahun dan dijangka seramai 102 000 peneroka di seluruh negara menerima antara RM 50 hingga RM 80 sebulan.

Selain itu juga, para peneroka Felda akan dibayar RM 12 bagi setiap tan kelapa sawit sebagai pendapatan tambahan sementara penoreh getah akan menerima 12 sen sekilogram. Ini bermakna, peneroka sawit dijangka memperoleh pendapatan tambahan antara RM 60 hingga RM 80 manakala peneroka getah pula antara RM 50 hingga RM 70 sebulan. Kerajaan berharap insentif tersebut akan memberi manfaat kepada peneroka dan wang bantuan ini diperolehi daripada Felda sendiri. Dana bagi skim tersebut juga diperolehi melalui keuntungan Felda dan tidak melibatkan wang yang dikutip daripada para peneroka.

*Utusan Malaysia, 20 Feb 2001*

## INSENTIF RM 1000 TANAM SEMULA KELAPA SAWIT

Menteri Perusahaan Utama Malaysia, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik memberitahu media bahawa kementeriannya akan mencadangkan satu insentif berjumlah RM1000 bagi setiap hektar diberikan bagi penanaman semula segera ladang dan kebun kecil sawit sewaktu merasmikan Seminar Kebangsaan Memantapkan Kedudukan Industri Minyak Sawit Malaysia dalam Masa Mencabar anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Satu kertas kerja akan turut dibentangkan ke Kabinet mencadangkan penanaman semula sekurang-kurangnya 200 000 hektar bagi menggantikan pokok sawit yang ditanam lebih 25 tahun lalu. Ini dapat membantu mengimbangi keadaan lebihan pengeluaran dan bekalan pada masa ini kerana kesan menebang kawasan luas yang patut ditanam semula akan mengakibatkan kira-kira 600 000 tan metrik minyak mentah dihentikan bekalannya dalam pasaran.

Semasa seminar tersebut itu juga, MPOB telah mengambil inisiatif mengeluarkan satu petunjuk pasaran penting dalam bentuk Harga Rujukan Harian Tandan Buah Segar (BTS) yang membolehkan pekebun kecil memantau dengan teliti perkembangan harga BTS berasaskan harian berikutan kemusykilan mengenai sistem sekarang dalam tempoh kejatuhan harga.

*Berita Harian, 21 Februari 2001*

## LANGKAH TNB GUNA MINYAK SAWIT KURANGKAN LEBIHAN BEKALAN

Pengurangan lebihan bekalan minyak sawit di pasaran mampu dikurangkan berikutan langkah Tenaga Nasional Berhad (TNB) menggunakan bahan tersebut sebagai bahan api untuk stesen janakuasa elektriknya. Ini membuktikan bahawa penggunaan minyak sawit boleh dipertingkatkan dan antara punca kejatuhan harga komoditi sawit pada masa kini adalah kerana bekalannya yang terlalu banyak di pasaran manakala penggunaannya pula rendah. TNB juga dilaporkan telah menerima sebanyak 1 000 tan minyak sawit daripada Kementerian Perusahaan Utama Malaysia untuk digunakan sebagai bahan api di stesen janakuasanya di Perai. Stesen janakuasa tersebut merupakan yang pertama menggunakan minyak sawit sebagai bahan api di negara ini. Pengerusi TNB, Datuk Dr Jamaluddin memaklumkan bahawa sekiranya penggunaan minyak sawit sebagai bahan api di stesen janakuasa di Perai menunjukkan kejayaan, pihaknya akan memperluaskan pelaksanaannya di stesen-stesen janakuasa yang lain.

*Utusan Malaysia, 3 April 2001*



# kerabu *Umbut Sawit*

## *Bahan-bahan*

Semangkuk umbut kelapa sawit yang telah dipotong kecil

3 ekor ikan kembung

2 biji cili merah

6 biji cili api

1 biji bawang besar

2 sm halia

2 batang serai muda

2 biji limau nipis


1 biji tomato

5 batang kacang panjang

Garam secukup rasa

## *Cara membuatnya:*

1. Rebus ikan kembung dan tumbuk sehingga halus. Bawang besar, cili merah, cili api, halia, serai muda, kacang panjang dan tomato dipotong nipis.
2. Perah air limau nipis.
3. Gaulkan kesemua bahan-bahan tersebut berserta air limau nipis tadi dan masukkan garam secukup rasa.



*Bahan-bahan yang diperlukan*



*Siap sedia untuk dinikmati*

*Sumbangan: Rashidah Mat Nor & Wan Azauti Wan Mohamed*

# PELADANG JAYA

## 'Susah dahulu senang kemudian'

- *Encik Kason Bin Raban*



*En. Kason bersama isteri.*

Berbakti kepada tanah lambat laun akan pasti mendapat ganjaran dan hidup sebagai seorang pekebun kecil sawit tentunya akan melalui satu tempoh yang sukar sebelum dapat mengecapi kesenangan. Pengalaman semasa kecil telah merubah keadaan dan kesempitan hidup yang dialami dahulu. Inilah yang telah berlaku kepada En. Kason bin Raban yang tinggal di Kampung Sungai Ayam Laut, Mukim 9, Batu Pahat, Johor. Beliau ialah Peladang Jaya yang akan diketengahkan dalam keluaran kali ini.

Menyingkap kembali pada zaman mudanya, sebaik sahaja menamatkan persekolahan dalam darjah enam akibat kesusahan dan keperitan hidup keluarganya, beliau telah bekerja dengan kontraktor menebang hutan di rancangan FELDA dan FELCRA di Segamat, Kota Tinggi, Mersing dan Temerloh. Pada masa itu, beliau baru berusia 14 tahun. Beliau sentiasa tekun berusaha dan menjalankan tugas dengan tabah walaupun pendapatannya ketika itu hanya RM 100 sebulan. Sebahagian daripada hasil pendapatan yang diperolehinya dihantar ke kampung bagi perbelanjaan keluarga serta adik-adik yang masih bersekolah. Sebahagian lagi digunakan untuk perbelanjaan seharian

dan disimpan untuk bekalan di masa hadapan.

Setelah bekerja selama 4 tahun bersama kontraktor, beliau kemudiannya pulang ke kampung untuk bekerja sebagai petani. Berbekalkan tanah seluas 1.62 hektar pemberian ayahnya, beliau berusaha keras untuk mencapai cita-citanya untuk menjadi petani maju dengan memulakan tanaman kelapa serta mengambil upah menjaga kebun milik ahli keluarga dan rakan-rakan. Disebabkan harga kelapa yang kurang memberangsangkan, beliau telah menebang pokok kelapa dan menggantikannya dengan kelapa sawit pada tahun 1988. Oleh kerana beliau seorang yang sentiasa beringat, dengan wang simpanan hasil daripada penjualan kelapa dan upah menjaga kebun orang lain, beliau telah membeli tanah untuk meluaskan tanaman sawitnya.

Sehingga kini, beliau telah membeli sejumlah 10.92 hektar kebun yang telah ditanam dengan sawit, kelapa, pisang, kopi, dukong dan durian. Kini dalam usia 50 tahun, beliau telah pun memiliki seluas 12.54 hektar kebun yang mana 4.45 hektar ditanam dengan sawit iaitu 3.24 hektar berumur 13 tahun dan 1.21 hektar lagi berumur 2 tahun.

Menurutnya, beliau sentiasa mengikuti perkembangan dan teknologi sawit terkini dengan menghadiri kursus-kursus berkaitan dengan amalan agronomi sawit dan tanaman-tanaman lain yang dianjurkan oleh agensi-agensi yang berkaitan seperti Jabatan Pertanian, Risdan dan Pertubuhan Peladang Kawasan. Segala pengetahuan yang diperolehi telah dilaksanakan di kebunnya. Beliau berbangga kerana sawitnya mampu mengeluarkan hasil purata di antara 1 - 2.5 tan/hek/bulan yang memberikan pendapatan antara RM 1000 hingga RM 2000 sebulan bergantung kepada harga semasa sawit. Bagi kerja-kerja meracun rumpai di kebun sawitnya, beliau mempelbagaikan penggunaan racun iaitu menggunakan racun jenis serap dan sentuh. Untuk menghapuskan lalang, beliau menggunakan racun jenis serap supaya dapat memberi kawalan yang berkesan, kos efektif dan tahan lebih lama. Rumpai jenis lembut seperti paku-pakis ditinggalkan di antara barisan sawit supaya dapat mengekalkan kelembapan tanah. Kerja-kerja meracun dilaksanakan 2 hingga 3 kali

setahun bergantung kepada keadaan ladang. Untuk membaja pokok sawit pula, beliau melakukannya sebanyak 3 kali setahun pada kadar 1.5 kg./pokok dengan menggunakan baja sebatian 12:12:17:2 +TE. Baja dilabur seperti yang dijadualkan dan dengan keadaan kebun bebas daripada rumpai yang berbahaya. Beliau juga menambah baja lurus supaya pokok mendapat pemakanan yang cukup dan seimbang.

Beliau melakukan kerja-kerja ladang dengan bantuan 4 orang pekerja terdiri daripada rakyat Indonesia yang telah mendapat permit kerja yang sah. Beliau telah menyediakan kemudahan tempat tinggal dan kemudahan yang lain bagi pekerja-pekerjanya.

Kerja-kerja menuai buah sawit dijalankan 2 pusingan sebulan. Beliau memastikan hanya buah sawit yang cukup masak sahaja dituai dengan berpandukan warna buah masak iaitu oren kemerahan dan terdapat sekurang-kurangnya satu biji buah sawit yang telah lerai di pangkal pokok. Menurutnya, sekiranya menuai buah sawit yang belum masak seperti muda atau mengkal akan merugikan pekebun kerana ini akan menurunkan kadar perahan minyak dan seterusnya mengakibatkan harga buah tandan segar (BTS) yang rendah. Selain daripada itu kualiti buah sawit yang lain seperti tangkai panjang, busuk dan tandan kosong juga dititikberatkan oleh beliau bagi memperolehi pendapatan yang optimum. Bagi kerja-kerja pemangkasan pelepah pula, ia dilakukan selepas setiap kali memotong buah tandan segar iaitu dengan meninggalkan dua pelepah di bawah tandan sawit yang terbawah. Selain daripada itu, beliau juga memotong pelepah di semua kawasan kebun sekali setahun pada waktu musim melawas. Dari segi prasarana kebun pula, beliau sangat mementingkan kualiti jalan pertanian. Tanpa jalan pertanian yang sempurna, maka hasil sawit dan tanaman tanaman yang lain tidak dapat dikeluarkan dengan sempurna. Kerja




*Kopi yang telah siap diproses dan dibungkus*

kerja menaikkan taraf jalan pertanian kerap dibuat setiap kali berlaku kerosakan terutama pada musim hujan.

Selain daripada tanaman sawit, beliau juga mengusahakan seluas 1.62 hektar dengan tanaman kopi yang diintegrasikan dengan tanaman kelapa, dukong dan durian. Menurut beliau, hasil yang diperolehi daripada tanaman kopi ialah lebih kurang 8 tan setahun. Kopi-kopi yang telah dipetik dikeringkan untuk dijadikan kopi beras dan dijual pada harga RM 10/kg. Selain daripada mengusahakan tanaman kopinya sendiri, beliau juga menjalankan perniagaan membeli kopi daripada pekebun-pekebun kecil yang lain dan menjualnya kepada pembeli di bandar Batu Pahat. Hasil daripada perniagaan kopi ini beliau telah memperolehi pendapatan sehingga RM 1500 sebulan. Tanaman dukong dan durian masih belum mengeluarkan hasil. Seluas 1.21 hektar kawasan sawit mudanya yang berumur dua tahun diintegrasikan dengan tanaman pisang berangan dan 1.21 hektar lagi diintegrasikan dengan kelapa madu. Hasil dari jualan pisang berangannya pada harga RM 1.00/kg dalam tahun 2000, En. Kason telah berjaya memperolehi pendapatan sebanyak RM 25 000. Pada tahun 2001 pula, beliau telah menanam pokok pisang berangan sebanyak 5500 pokok.

Untuk menambahkan lagi pendapatannya, beliau telah membuat baja kompos daripada kulit kopi yang dicampur dengan urea, batuan

*bersambung di muka surat 10*



Bangsul memproses baja kompos

fosfat, kapur dan tahi ayam. Sebuah bangsal digunakan untuk memproses biji kopi dan membuat baja kompos ini. Baja-baja kompos ini dijual dengan harga RM 3 /kampit (4 kg) kepada Pertubuhan Peladang Kawasan manakala sebahagiannya diguna sendiri bagi keperluan kebunnya.

En. Kason bin Raban juga bergiat aktif di dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan di kampungnya. Beliau sekarang memegang jawatan sebagai bilal dan setiausaha surau di kampungnya di samping bendahari wang khairat kematian. Atas kesungguhannya berbakti kepada tanah dan kejayaan mengusahakan tanaman sawit dan tanaman-tanaman yang lain, beliau telah menerima anugerah Peladang Jaya anjuran Jabatan Pertanian Negeri Johor kategori berkelompok.

Hasil perkongsian hidup bersama isterinya selama 30 tahun, beliau telah dikurniakan seramai 6 orang cahayamata iaitu 5 orang lelaki dan seorang perempuan. Puteri yang sulung berumur 25 tahun dan telah bekerja. Putera kedua berumur 23 tahun dan sekarang bertugas sebagai guru sekolah menengah di Pontian, Johor. Empat orang lagi puteranya

masih bersekolah di peringkat menengah dan rendah. Sesungguhnya perjuangan beliau dalam sektor pertanian telah membuahkan hasil. Tanpa pengorbanan masa dan keringat, beliau tidak mungkin mencapai kejayaan yang diperolehinya setakat ini. Berkat usaha, tekun dan bersungguh-sungguh dalam mengusahakan sesuatu, beliau telah dapat mengubah kehidupannya yang susah kepada keadaan yang agak selesa.

Sumbangan : Abdul Rahman Hj. Mohamed



### JAWAPAN KUIZ SAWIT

1. 120 - 140 pokok / hari dan anggaran upah RM 5 - RM 7 sepokok
2. 12 - 18 bulan
3. Biojisim Sawit disusun di barisan tanaman anak sawit.
4. Kurang daripada 40 hektar
5. Umur pokok sawit lebih daripada 25 tahun dan tidak lagi ekonomik.
6. RM 6 000 /hektar; faedah 4% setahun; bayaran balik tidak melebihi 10 tahun.